

HUBUNGAN ANTARA CORAK ORIENTASI MATLAMAT DAN TAHAP KEAGRESIFAN DALAM KALANGAN ATLET BERPASUKAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

RELATIONSHIP BETWEEN GOAL ORIENTATION PATTERN AND LEVEL OF AGGRESSIVENESS AMONG TEAM ATHLETES IN THE NATIONAL UNIVERSITY OF MALAYSIA

Muhammad Zuhair Bin Norazmi ^{1*}
Dr. Nur Shakila Binti Mazalan ²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
(email: p137909@siswa.ukm.edu.my)

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
(email: shakila@ukm.edu.my)

*Corresponding author: p137909@siswa.ukm.edu.my

Article history

Received date : 3-2-2025
Revised date : 4-2-2025
Accepted date : 28-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Norazmi, M. Z., & Mazalan, N. S. (2025). Hubungan antara corak orientasi matlamat dan tahap keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 533-544.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara corak orientasi matlamat dan tahap keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, data dikumpul melalui dua soal selidik utama iaitu TEOSQ dan JAMBYSQ yang diedarkan secara dalam talian kepada 120 atlet berumur antara 18 hingga 27 tahun yang aktif dalam sukan seperti bola sepak, bola jaring, hoki, bola tampar, dan ragbi. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan nilai korelasi dan tahap signifikansi hubungan antara variabel. Analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan sederhana antara orientasi ego dengan keagresifan tinggi ($r = 0.498$, $p < 0.001$) dan hubungan rendah antara orientasi tugas dan keagresifan ($r = 0.278$, $p = 0.002$). Perbincangan menunjukkan bahawa atlet dengan orientasi ego lebih cenderung menunjukkan keagresifan bermusuhan, manakala atlet berorientasikan tugas menunjukkan keagresifan yang terkawal dan bersifat instrumental. Hasil kajian ini menegaskan perlunya pembangunan program psikologi dan latihan sendiri bagi meningkatkan kawalan emosi dan mengurangkan tingkah laku agresif dalam kalangan atlet berpasukan, sejajar dengan nilai kolektivisme dan kerjasama dalam budaya Malaysia.

Kata Kunci: Orientasi Matlamat, Keagresifan, Ketahanan Mental, Kecerdasan Emosi, Atlet Berpasukan

Abstract: This study aims to examine the relationship between goal orientation patterns and levels of aggressiveness among team athletes at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Using a quantitative approach, data were collected through two main questionnaires, namely the TEOSQ and JAMBYSQ, which were distributed online to 120 athletes aged between 18 and 27 who actively participate in sports such as football, netball, hockey, volleyball, and rugby.

The data were analyzed using SPSS software to determine correlation values and the significance levels of the relationships between variables. The analysis showed a moderate significant relationship between ego orientation and high aggressiveness ($r = 0.498$, $p < 0.001$), and a low relationship between task orientation and aggressiveness ($r = 0.278$, $p = 0.002$). The discussion indicates that athletes with an ego orientation tend to exhibit hostile aggressiveness, while task-oriented athletes demonstrate controlled and instrumental aggressiveness. The findings of this study highlight the need for the development of psychological and self-regulation training programs to improve emotional control and reduce aggressive behavior among team athletes, in line with the values of collectivism and cooperation in Malaysian culture.

Keywords: Goal Orientation, Aggressiveness, Mental Toughness, Emotional Intelligence, Team Athletes

Pengenalan

Pada masa ini, sukan merupakan salah satu cabang untuk meningkatkan ekonomi negara agar terus maju di seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, atlet ialah penggerak utama dalam mencapai kejayaan dan mengharumkan nama negara. Prestasi dan kualiti atlet untuk mencapai kejayaan dalam arena ini semakin merosot disebabkan faktor ketahanan mental dan kecerdasan emosi atlet. Pendekatan ahli psikologi sukan dalam mengekalkan ketahanan mental dan kecerdasan emosi atlet perlulah dititikberatkan. Dengan mempunyai atlet yang sihat dari segi rohani dan jasmani, ketahanan mental dan kecerdasan emosi dapat meningkatkan konsentrasi dan prestasi atlet.

Perkembangan mental atlet telah menjadi tumpuan utama bagi banyak pasukan dan organisasi di seluruh dunia (Mahoney, Gucciardi, Ntoumanis & Mallett 2014). Menurut Cowden (2016) atlet memerlukan ketahanan mental yang kuat dalam menghadapi cabaran dan mengekalkan kawalan emosi serta tingkah laku. Kesedaran atlet terhadap kecerdasan emosi ialah mampu mengenali diri sendiri dan atlet lain serta mampu mengawal emosi dengan lebih baik. Kajian daripada Fridlund Dunton, Schneider, Graham dan Cooper (2006) menyatakan bahawa atlet yang mempunyai emosi yang baik, dapat mengurangkan risiko tekanan dan kebimbangan serta memberi kesan yang positif dari aspek psikomotor dan kognitif. Dengan ini, atlet memerlukan ketahanan mental dan kecerdasan emosi yang kuat dalam menghadapi cabaran dan mengekalkan kawalan emosi serta tingkah laku. Dalam aspek sukan, faktor psikologi iaitu cara jurulatih mendorong atlet dalam meningkatkan prestasi sukan semasa latihan dan ketika pertandingan adalah sangat penting (Institut Sukan Negara Malaysia, 2015).

Setiap pemain pasti mempunyai orientasi matlamat ketika menceburkan diri dalam bidang sukan. Pemain ini lebih menonjolkan diri dan berusaha dengan pelbagai kaedah, cara, teknik mahupun taktik bagi memastikan mereka mencapai apa yang dihasratkan. Gill (2000) dalam bukunya menyatakan corak orientasi matlamat adalah bergantung kepada bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaannya. Individu berorientasikan tugas akan tertumpu kepada \ pencapaian dan tahap kemajuan diri individu itu sendiri. Individu berlandaskan ego pula akan lebih cenderung untuk melakukan tindakan agresif (Weinberg & Gould, 2003).

Istilah keagresifan sering dikaitkan dengan perlakuan yang negatif dan bertentangan dengan etika kesukanan (Silva, 1992). Adakalanya keagresifan itu merupakan satu keperluan dalam diri atlet dalam mencapai kejayaan, namun seringkali keagresifan itu dikaitkan dengan tingkah laku yang tidak diingini seperti membentes pihak lawan dengan sengaja, provokasi terhadap

pihak lawan, dan sebagainya. Hal ini biasanya terjadi pada waktu kemuncak perlawanan dimana pihak lawan mendahului mata dalam perlawanan. Situasi ini boleh mengganggu kelancaran sepanjang permainan dan mengakibatkan pemain-pemain hilang fokus untuk bermain.

Isu yang diberi perhatian dalam kajian ini adalah mengkaji apakah corak orientasi matlamat dalam kalangan atlet dan punca yang mendorong atlet melakukan keagresifan yang sedemikian. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara kedua-dua pembolehubah terhadap atlet dan bagaimana atlet membuat sesuatu keputusan. Pengetahuan terhadap kedua-dua pembolehubah ini amat penting dalam pembangunan sukan yang mula dimainkan dari akar umbi sehinggalah golongan elit agar dapat menjulang semua sukan di Malaysia ke persada dunia. Tidak dinafikan kajian ini telah banyak dijalankan di Malaysia. Kajian ini kebanyakannya dijalankan terhadap atlet-atlet yang mewakili negeri dan negara. Namun demikian, kajian terhadap pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia masih kurang. Atlet-atlet di institusi pengajian tinggi di Malaysia khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masih kurang faham berkaitan dengan corak orientasi matlamat yang mereka gunakan dan pengaruh orientasi tersebut terhadap tahap keagresifan mereka. Tambahan lagi, mereka akan mengetahui corak orientasi matlamat yang mana lebih bagus dan baik untuk mereka gunakan dalam sukan ataupun pertandingan yang mereka sertai. Jadi, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini di UKM dan menjadikan atlet-atlet berpasukan sebagai sampel kajian.

Hipotesis kajian yang pertama terdapat hubungan yang signifikan antara corak orientasi matlamat dengan tahap keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan di UKM, manakala hipotesis yang kedua adalah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak orientasi matlamat dengan tahap keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan di UKM. Oleh yang demikian, tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara corak orientasi matlamat dan keagresifan terhadap atlet berpasukan UKM.

Kajian Literatur

Dalam bidang psikologi sukan, orientasi matlamat merujuk kepada cara individu menilai kejayaan dan pencapaian dalam konteks sukan. Terdapat dua jenis orientasi matlamat utama iaitu orientasi tugas dan orientasi ego. Orientasi tugas berfokus pada peningkatan kemahiran dan usaha peribadi, manakala orientasi ego lebih menekankan perbandingan dengan orang lain dan pencapaian status. Keagresifan dalam sukan pula merujuk kepada tingkah laku yang bertujuan untuk mendatangkan kecederaan atau ketidakselesaan kepada pihak lawan, sama ada secara fizikal atau psikologi. Memahami hubungan antara corak orientasi matlamat dan tahap keagresifan adalah penting untuk membentuk strategi intervensi yang berkesan dalam kalangan atlet berpasukan, khususnya di institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kajian ini mengupas corak orientasi matlamat dan hubungannya dengan keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Atlet berpasukan terlibat dalam sukan yang menuntut kerjasama dan dinamik kumpulan seperti bola sepak, bola jaring dan hoki. Hal ini menjadikan orientasi matlamat dan kawalan keagresifan merupakan elemen yang sangat penting dan kritikal dalam kejayaan sesebuah pasukan.

Kajian mengenai orientasi matlamat dan keagresifan dalam sukan telah menjadi fokus utama dalam psikologi sukan kerana kedua-dua elemen ini berperanan penting dalam menentukan prestasi atlet. Orientasi matlamat merujuk kepada kecenderungan individu untuk menilai kejayaan sama ada mereka mencapai hasil tertentu (orientasi matlamat berasaskan tugas) atau

menonjolkan kelebihan berbanding orang lain (orientasi matlamat berasaskan ego). Tahap keagresifan pula merujuk kepada kecenderungan tingkah laku agresif yang boleh membantu atau menjejaskan prestasi atlet bergantung kepada konteks dan kawalan diri mereka (Nicholls et al., 2020).

Orientasi Matlamat dalam Sukan

Teori pencapaian matlamat (*Achievement Goal Theory, AGT*) yang diperkenalkan oleh Nicholls (1984) menyediakan kerangka teori yang relevan untuk memahami orientasi matlamat atlet. Teori ini mengklasifikasikan orientasi matlamat kepada dua jenis utama iaitu orientasi matlamat berasaskan tugas (*task orientation*) dan orientasi matlamat berasaskan ego (*ego orientation*). Orientasi tugas merujuk kepada fokus atlet terhadap penguasaan kemahiran dan peningkatan diri manakala orientasi ego berkaitan dengan keinginan untuk mengatasi orang lain dan menunjukkan keunggulan.

Kajian oleh Hanafiah et al. (2020) mendapati bahawa atlet yang terlibat dalam sukan berpasukan cenderung untuk memiliki orientasi tugas yang lebih tinggi berbanding orientasi ego. Ini menunjukkan bahawa atlet berpasukan lebih menekankan kepada kerjasama dan peningkatan prestasi kumpulan berbanding persaingan individu. Selain itu, kajian oleh Yusop et al. (2018) menunjukkan bahawa orientasi tugas berkait rapat dengan motivasi intrinsik, manakala orientasi ego lebih berkait dengan motivasi ekstrinsik. Ini bermakna atlet yang berorientasikan tugas lebih terdorong oleh kepuasan dalaman dalam mencapai matlamat, manakala atlet yang berorientasikan ego lebih dipengaruhi oleh ganjaran luaran seperti pengiktirafan dan kemenangan.

Atlet dengan orientasi matlamat berasaskan tugas lebih cenderung memberi tumpuan kepada usaha sendiri, perkembangan peribadi dan pembelajaran daripada pengalaman. Mereka melihat kejayaan sebagai hasil usaha dan kerja keras. Kajian oleh Duda et al. (2021) mendapati bahawa orientasi tugas dikaitkan dengan sikap yang lebih positif terhadap latihan, kerja berpasukan dan tingkah laku semangat kesukanan. Sebaliknya, atlet yang mempunyai orientasi matlamat berasaskan ego melihat kejayaan sebagai kelebihan terhadap orang lain. Mereka lebih fokus kepada hasil kompetitif seperti menang atau menjadi yang terbaik. Kajian oleh Ames et al. (2022) menunjukkan bahawa orientasi matlamat berasaskan ego boleh menyebabkan peningkatan tahap keagresifan apabila atlet terlalu menumpukan kepada kelebihan individu berbanding kepentingan pasukan.

Kajian oleh Nabilah Yaakub et al. (2019) mendapati bahawa orientasi matlamat memainkan peranan penting dalam menentukan tahap keseronokan atlet semasa latihan dan pertandingan. Dalam kajian tersebut, atlet hoki Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menunjukkan bahawa orientasi tugas yang tinggi berkorelasi positif dengan peningkatan keseronokan dalam sukan. Ini menunjukkan bahawa apabila atlet memberi tumpuan kepada peningkatan diri dan kemahiran, mereka lebih cenderung untuk menikmati aktiviti sukan yang diceburi. Sebaliknya, orientasi ego yang berlebihan boleh membawa kepada tekanan dan kebimbangan, terutamanya apabila atlet terlalu fokus kepada perbandingan prestasi dengan rakan sepasukan atau lawan.

Faktor-faktor demografi seperti jantina, umur, dan jenis sukan juga mempengaruhi orientasi matlamat atlet. Kajian oleh Nurasiken et al. (2020) mendapati bahawa atlet lelaki menunjukkan orientasi ego yang lebih tinggi berbanding atlet perempuan, manakala atlet yang lebih muda cenderung untuk memiliki orientasi tugas yang lebih tinggi. Selain itu, atlet yang terlibat dalam sukan individu menunjukkan orientasi ego yang lebih tinggi berbanding atlet sukan berpasukan.

Kajian mendapati bahawa corak orientasi matlamat dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuklah budaya sukan, peranan jurulatih dan struktur kompetitif dalam pasukan (Chan et al., 2020). Di Malaysia, budaya kolektivisme dalam sukan pasukan boleh mempengaruhi cara atlet membentuk orientasi matlamat mereka dengan kecenderungan untuk menghargai orientasi tugas lebih tinggi berbanding orientasi ego.

Keagresifan dalam Konteks Sukan

Keagresifan dalam sukan boleh dibahagikan kepada dua jenis utama: keagresifan instrumental dan keagresifan reaktif. Keagresifan instrumental merujuk kepada tingkah laku agresif yang digunakan sebagai alat untuk mencapai matlamat tertentu, manakala keagresifan reaktif adalah tindak balas emosi terhadap provokasi atau frustrasi. Keagresifan dalam sukan berpasukan sering dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk tekanan pertandingan, dinamika pasukan, dan orientasi matlamat individu. Menurut kajian oleh Siti Aishah Md Yusop (2018), terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi matlamat dan tahap keagresifan dalam kalangan pemain bola baling bawah 18 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemain dengan orientasi ego yang tinggi lebih cenderung untuk mempamerkan tingkah laku agresif berbanding mereka yang mempunyai orientasi tugas yang dominan. Ini mungkin disebabkan oleh keinginan untuk mencapai status atau pengiktirafan melalui cara yang kurang sihat, seperti menunjukkan dominasi fizikal terhadap lawan.

Keagresifan dalam sukan sering dilihat dari dua perspektif iaitu keagresifan instrumental dan keagresifan bermusuhan. Keagresifan instrumental merujuk kepada tingkah laku agresif yang mempunyai matlamat tertentu seperti merebut bola daripada lawan manakala keagresifan bermusuhan merujuk kepada tingkah laku agresif yang bertujuan untuk mencederakan atau merosakkan pihak lawan (Maxwell et al., 2021). Kajian oleh Aminudin dan Sut Txi (2021) yang meneliti pasukan bola baling Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapati bahawa faktor utama yang menyumbang kepada keagresifan atlet adalah tindak balas terhadap provokasi pihak lawan dan perlindungan terhadap rakan sepasukan. Ini menunjukkan bahawa keagresifan dalam sukan berpasukan sering kali dipengaruhi oleh dinamika sosial dan interaksi antara pemain.

Selain itu, kajian oleh Huang et al. (1999) menunjukkan bahawa atlet yang terlibat dalam sukan pertembungan fizikal seperti bola sepak dan ragbi cenderung untuk menunjukkan tahap keagresifan yang lebih tinggi berbanding atlet sukan bukan pertembungan. Faktor-faktor seperti norma pasukan, gaya kejurulatihan, dan tekanan pertandingan juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap keagresifan atlet. Keagresifan instrumental dilihat sebagai sebahagian daripada strategi permainan. Kajian oleh Kavussanu dan Boardley (2020) mendapati bahawa atlet dengan orientasi matlamat berasaskan tugas cenderung menunjukkan keagresifan instrumental yang terkawal dan tidak melampaui batas semangat kesukanan. Sebaliknya, keagresifan bermusuhan sering dikaitkan dengan orientasi matlamat berasaskan ego. Atlet yang menilai kejayaan berdasarkan kelebihan terhadap lawan lebih mudah terdedah kepada tingkah laku bermusuhan terutamanya apabila mereka gagal mencapai matlamat ego mereka (Lim et al., 2020).

Hubungan antara Orientasi Matlamat dan Keagresifan

Kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara orientasi matlamat dan tahap keagresifan dalam sukan. Atlet yang mempunyai orientasi matlamat berasaskan tugas cenderung untuk mengekalkan tahap keagresifan yang sihat dan instrumental manakala mereka yang mempunyai orientasi matlamat berasaskan ego lebih berisiko untuk menunjukkan keagresifan bermusuhan (Nicholls et al., 2020). Beberapa kajian telah meneliti hubungan antara orientasi matlamat dan

keagresifan dalam kalangan atlet. Kajian oleh Yusop et al. (2018) mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara orientasi ego dan tahap keagresifan, manakala orientasi tugas menunjukkan hubungan negatif dengan keagresifan. Ini bermakna atlet yang berorientasikan ego lebih cenderung untuk menunjukkan tingkah laku agresif, manakala atlet yang berorientasikan tugas cenderung untuk mengawal emosi dan mengelakkan konflik.

Selain itu, kajian oleh Manuel Sofia dan Cruz (2015) menunjukkan bahawa atlet yang memiliki kawalan diri yang tinggi lebih mampu untuk mengawal tingkah laku agresif, terutamanya dalam situasi tekanan tinggi. Ini menunjukkan bahawa orientasi tugas yang dikaitkan dengan kawalan diri yang lebih baik boleh membantu mengurangkan keagresifan dalam kalangan atlet. Kajian oleh Duda et al. (2021) mendapati bahawa atlet dengan orientasi matlamat berasaskan tugas menunjukkan kawalan emosi lebih baik yang membantu mereka menggunakan keagresifan sebagai alat untuk mencapai matlamat permainan tanpa menjejaskan hubungan dengan rakan sepasukan atau lawan. Sebaliknya, atlet dengan orientasi matlamat bersaskan ego lebih cenderung untuk bertindak secara agresif apabila matlamat mereka dihalang. Kajian oleh Ames et al. (2022) menyimpulkan bahawa orientasi matlamat berasaskan ego yang tinggi boleh membawa kepada konflik dalam pasukan, mengurangkan kerjasama dan menjejaskan prestasi keseluruhan. Dalam konteks Malaysia, kajian oleh Chan et al. (2020) menunjukkan bahawa atlet universiti yang lebih menumpukan kepada orientasi matlamat berasaskan tugas lebih cenderung untuk menunjukkan tahap keagresifan yang terkawal yang sesuai dengan nilai kolektivisme dalam budaya tempatan.

Metodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif berbentuk kuantitatif. Reka bentuk ini dipilih kerana sesuai untuk mengkaji hubungan antara corak orientasi matlamat dan tahap keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua set soal selidik. Bagi Orientasi Maklumat, soal selidik '*Task and Ego Orientation in Sport Questioner (TEOSQ)*' (Duda & Nicholls, 1989 terjemahan Shahrudin, 1998) telah digunakan. TEOSQ adalah 13 ukuran ciri item yang menggambarkan samada penglibatan pemain berdasarkan orientasi ego atau tugas dengan menggunakan skala likert 5 mata iaitu (1 = sangat tidak setuju) hingga (5 = sangat setuju). Soal selidik ini mengukur dua faktor utama iaitu ego dan tugas dengan nilai kebolehpercayaan 0.8.

Manakala bagi item *Keagresifan*, soal selidik '*The Judgement About Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire (JAMBYSQ)*' (Stephens 1993, terjemahan Shahrudin, 1998) telah digunakan. JAMBYSQ adalah 22 ukuran ciri item yang menilai tahap keagresifan dengan nilai interpretasi skor bagi soal selidik ini adalah 22-44 (tahap keagresifan rendah) dan 45-110 (tahap keagresifan tinggi/ ketara) dengan menggunakan skala likert 5 mata iaitu (1 = sangat tidak setuju) hingga (5 = sangat setuju) dengan nilai kebolehpercayaan sebanyak 0.8.

Responden Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada atlet berpasukan yang aktif dalam sukan seperti bola sepak, bola jaring, hoki, bola tampar, dan ragbi di UKM. Kajian melibatkan 120 orang atlet berpasukan yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak. Sampel diambil dengan mengambil kira jantina, jenis sukan dan tahap pengalaman bagi memastikan wakil populasi yang seimbang. Kriteria atlet yang dipilih mestilah berumur antara 18 hingga 27 tahun dan atlet terlibat secara

aktif dalam pertandingan antara universiti atau peringkat kebangsaan dalam tempoh 12 bulan terakhir. Kajian ini dijalankan dalam talian dengan menggunakan 'google form'. 'Google form' tersebut diedarkan kepada jurulatih bagi setiap acara untuk diberikan kepada atlet.

Pengumpulan Data

Soal selidik diedarkan secara atas talian kepada atlet semasa sesi latihan di mana pengkaji menggunakan *Google Form* untuk mendapatkan maklumat dan borang jawapan. Sampel kajian akan menyiapkan 3 bahagian instrumen iaitu demografi responden, TEOSQ dan JAMBYSQ. Setiap peserta diberikan masa 15-20 minit untuk melengkapkan soal selidik. Data setiap sampel kajian adalah dijamin kerahsiaannya dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Akhir sekali, soal selidik yang telah siap diisi oleh setiap sampel akan dianalisis oleh pengkaji secara atas talian ke dalam sistem *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

Dapatan Kajian

Corak orientasi matlamat

Bagi mengenalpasti corak orientasi matlamat keseluruhan atlet berpasukan di UKM, analisis min dan sisihan piawai telah digunakan. Analisis dalam jadual 1 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi corak orientasi tugas atlet berpasukan di UKM (Min = 4.29, SP = 0.61) adalah lebih tinggi berbanding corak orientasi ego (Min = 2.82, SP = 0.93).

Jadual 1: Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Orientasi Matlamat

Corak Orientasi	N	Min	SP
Ego	120	2.82	0.93
Tugasan	120	4.29	0.61

Tahap keagresifan

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratusan tahap keagresifan atlet berpasukan di UKM. Daripada 120 orang responden yang dikaji, dapatan menunjukkan majoriti daripada responden adalah berada pada tahap tinggi iaitu 120 orang (100%). Secara keseluruhan, **Jadual 3** menunjukkan skor tahap keagresifan atlet berpasukan di UKM (Min = 77.97, SP = 13.67) dalam kalangan responden adalah berada di tahap yang tinggi.

Jadual 2: Analisis Kekerapan dan Peratusan bagi Tahap Keagresifan Atlet Berpasukan UKM

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratusan
22-44	Rendah	0	0
45-110	Tinggi	120	100
	Jumlah	120	100

Jadual 3: Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Keagresifan Atlet Berpasukan UKM

Peramal	Min	SP	Tahap
Keagresifan	77.97	13.67	Tinggi

Hubungan Antara Corak Orientasi Matlamat dan Keagresifan

Jadual 4: Skala Kekuatan Korelasi

Nilai Korelasi (r)	Pengertian Deskriptif
$r < 0.20$	Sedikit, Hampir diabaikan Perhubungan
$0.20 \leq r \leq 0.40$	Korelasi Rendah
$0.40 \leq r \leq 0.70$	Korelasi Sederhana
$0.70 \leq r \leq 0.90$	Korelasi Tinggi
$0.90 \leq r \leq 1.00$	Sangat Tinggi Korelasi

Sumber : Khairudin (2012). *Perkaitan Orientasi Matlamat Terhadap Keagresifan Ketara Pemain Bola Sepak Bawah 15 Dan Bawah 18 MSSM*. Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan, Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jadual 5: Perkaitan Corak Orientasi Matlamat dan Keagresifan bagi atlet berpasukan di UKM

Keagresifan	(r)	P
Orientasi Ego	0.498**	0.001
Orientasi Tugas	0.278**	0.002

**Signifikan pada aras $p < 0.01$ (2 tailed)

Jadual 5 adalah analisis kajian atlet berpasukan di UKM menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sederhana di antara orientasi ego dengan keagresifan iaitu $r = 0.498$, $p < 0.001$. Manakala perkaitan antara orientasi tugas dengan keagresifan pula menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang rendah iaitu $r = 0.278$, $p = 0.002$.

Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan utama menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sederhana di antara orientasi ego dengan keagresifan iaitu $r = 0.498$, $p < 0.001$. Manakala perkaitan antara orientasi tugas dengan keagresifan pula menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang rendah iaitu $r = 0.278$, $p = 0.002$.

Berdasarkan analisis deskriptif, didapati min dan sisihan piawai bagi corak orientasi tugas atlet berpasukan di UKM (Min = 4.29, SP = 0.61) adalah lebih tinggi berbanding corak orientasi ego (Min = 2.82, SP = 0.93). Dapatan kajian tersebut mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Siti Aishah, Shaharudin dan Nelfianty (2018) yang mana min dan sisihan piawai bagi corak orientasi tugas pemain bola baling adalah lebih tinggi berbanding corak orientasi ego. Bersesuaian dengan pernyataan (Lameiras, et.al 2014) yang menyatakan bahawa matlamat atlet adalah berfokus kepada orientasi tugas seperti meningkatkan prestasi berbanding ego iaitu berasa lebih baik daripada orang lain dalam sukan berkumpulan.

Orientasi ego merujuk kepada seorang atlet yang berusaha untuk mengalahkan pesaingnya dalam usaha yang sedikit dan mentafsirkan kejayaannya sebagai satu pencapaian memperoleh status, anugerah dan penghargaan berbanding dengan atlet lain (Nicholls, 1989). Penjelasan Nicholls (1984) menyatakan bahawa atlet yang mengamalkan orientasi ego akan menjadikan atlet pesaingnya sebagai pengukur tahap pencapaian atau kebolehannya. Duda dan Whitehead (1998) memperkuat lagi penjelasan ini dengan menyatakan bahawa secara normatif dan kebolehan seseorang atlet yang memiliki orientasi ego akan sering kali membandingkan kebolehannya dengan atlet lain dengan persepsi bahawa seseorang atlet akan berjaya apabila

mampu mengalahkan pesaingnya dengan merujuk kepada menang atau kalah dalam sesuatu pertandingan yang disertai.

Orientasi tugas merujuk kepada tahap keinginan tinggi dalam diri seseorang atlet untuk menguasai sesuatu kemahiran serta minat dalam acara tersebut. Atlet yang memiliki orientasi tugas akan menilai tahap pencapaiannya dengan membandingkan prestasi semasa dengan pencapaian terbaik peribadi. Ini menjelaskan bahawa atlet ini akan sentiasa melihat pencapaiannya tanpa membandingkan dengan pencapaian atlet lain. Atlet ini akan menganggap dirinya sudah berjaya apabila pencapaiannya mampu mengatasi pencapaian terbaik peribadinya serta berupaya memperbaiki kelemahan diri (Nicholls, 1989). Ini diperjelaskan oleh dapatan Duda (1987) bahawa atlet yang cenderung kepada orientasi tugas akan berusaha melaksanakan tugasannya dalam sesuatu pertandingan tanpa membandingkan keupayaannya dengan atlet lain. Atlet ini juga akan berusaha meningkatkan tahap pencapaian serta akan bersedia menerima sebarang keputusan dalam sebarang pertandingan. Oleh yang demikian, atlet yang berorientasikan tugas mampu mengatasi kekecewaan jika mengalami kekalahan (Weinberg dan Gould, 1995).

Berdasarkan analisis yang dijalankan, tiada responden yang menunjukkan keagresifan rendah manakala 120 orang (100%) responden lagi memiliki keagresifan yang tinggi. Ini selari dengan kajian Traclet, Moret, Ohl dan Clémence (2015) yang mengkaji mengenai keagresifan dalam sukan bola sepak dan hoki ais mendapati bahawa keagresifan dalam kalangan ahli pasukan dan keagresifan yang ditonjolkan oleh atlet adalah selari. Semakin pasukan membenarkan atau bertoleransi dengan keagresifan, maka atlet akan menjadi lebih agresif. Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti atlet mempunyai keagresifan yang tinggi dan ini mungkin berpunca daripada sikap mereka dalam sukan berpasukan yang mendorong kepada keagresifan.

Visek, Watson, Hurst, Maxwell dan Harris (2010) pula mengatakan bahawa identiti, kemarahan dan keagresifan adalah saling berkait rapat. Sikap agresif lebih banyak ditemui dalam sukan berpasukan. Atlet yang lebih muda juga lebih agresif berbanding dengan atlet yang lebih tua (Pelegriin, Serpa & Rosado, 2013). Ini boleh dikaitkan dengan kajian yang dijalankan di mana atlet yang terlibat dalam kajian ini adalah daripada atlet yang menyertai sukan berpasukan seperti futsal, bola sepak dan ragbi. Selain itu, faktor umur atlet yang masih muda juga mungkin merupakan salah satu faktor menyumbang kepada tahap keagresifan yang tinggi.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan yang tinggi diantara corak orientasi matlamat dengan keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sederhana di antara orientasi ego dengan keagresifan iaitu ($r = 0.498$, $p < 0.001$). Manakala perkaitan antara orientasi tugas dengan keagresifan pula menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang rendah iaitu ($r = 0.278$, $p = 0.002$). Oleh itu, dapatan ini membuktikan bahawa aspek ego mempengaruhi tahap keagresifan atlet. Dalam kajian ini, latar belakang responden memainkan peranan yang penting dalam menilai tahap pemahaman, perkaitan tindakan responden terhadap situasi dan perlakuan. Orientasi matlamat ialah kecenderungan seseorang atlet dalam mengkonseptualisasikan kejayaan atau pencapaian dalam sukan dari aspek peribadi dan hubungannya dengan orang lain (Zali, 2006). Hasil dapatan kajian kecenderungan orientasi matlamat atlet berpasukan di UKM adalah berorientasikan tugas berbanding ego. Dapatan kajian tersebut mempunyai perbezaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Siti Aishah, Shaharudin dan Nelfianty (2018) yang menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang tinggi antara orientasi matlamat dengan keagresifan. Perbezaan hasil kajian ini mungkin

disebabkan oleh jenis sukan yang dimainkan oleh responden yang berbeza berbanding kajian yang dilakukan ke atas atlet bola baling.

Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara corak orientasi matlamat dan tahap keagresifan dalam kalangan atlet berpasukan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Atlet yang lebih mementingkan pencapaian peribadi dan pengiktirafan lebih cenderung untuk menunjukkan tingkah laku agresif apabila matlamat mereka terhalang. Sebaliknya, atlet yang berorientasikan tugas lebih cenderung untuk menunjukkan keagresifan yang terkawal selaras dengan nilai kolektivisme dalam budaya Malaysia. Dalam konteks ini, penting untuk memahami bahawa orientasi matlamat berasaskan ego boleh membawa kepada konflik dalam pasukan dan mengurangkan kerjasama antara ahli pasukan. Oleh itu, adalah penting bagi jurulatih dan pengurus pasukan untuk memberi penekanan kepada pembangunan orientasi matlamat berasaskan tugas dalam kalangan atlet. Hal ini boleh dilakukan melalui latihan dan program pembangunan yang menekankan nilai kerjasama, sokongan antara rakan sepasukan dan pencapaian bersama.

Selain itu, kajian ini juga menekankan kepentingan ketahanan mental dan kecerdasan emosi dalam kalangan atlet. Atlet yang mempunyai ketahanan mental yang tinggi dapat mengatasi tekanan dan cabaran semasa pertandingan dengan lebih baik. Mereka juga lebih mampu untuk mengawal emosi dan mengelakkan tingkah laku agresif yang tidak diinginkan. Oleh itu, program latihan yang merangkumi elemen pembangunan mental dan emosi perlu diperkenalkan untuk membantu atlet menguruskan keagresifan mereka dengan lebih berkesan. Akhirnya, hasil kajian ini memberikan panduan yang berguna untuk pembangunan sukan di Malaysia. Dengan memahami hubungan antara orientasi matlamat dan keagresifan, pihak pengurusan sukan dapat merancang strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan prestasi atlet.

Rujukan

- Ames, C., Lim, B., & Idris, M. (2022). *Impact of ego orientation on team conflict and aggression in competitive settings*. *Journal of Sport Psychology Studies*, 34(2), 101–115.
- Aminudin, A. S., & Sut Txi, M. R. (2021). Perbandingan faktor-faktor keagresifan yang mempengaruhi penglibatan pasukan bola baling Universiti Pendidikan Sultan Idris di kejohanan terbuka UPSI 2019. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 10(1), 100–110.
- Chan, S. W., Mokhtar, M. A., & Hashim, H. (2020). Task-oriented coaching and collectivism among university athletes in Malaysia. *Asian Journal of Sport Science*, 6(1), 45–52.
- Duda, J. L., & Whitehead, J. (1998). Measurement of goal perspectives in the physical domain. In J. L. Duda (Ed.), *Advances in sport and exercise psychology measurement* (pp. 21–48). Morgantown, WV: Fitness Information Technology.
- Duda, J. L., Ntoumanis, N., & Appleton, P. R. (2021). Achievement goal orientations and emotional control in team sports. *International Journal of Sport and Exercise Psychology*, 19(4), 345–360.
- Fridlund Dunton, L., Schneider, M., Graham, D., & Cooper, D. (2006). Emotional competence and psychological resilience among collegiate athletes. *Psychology of Sport and Exercise*, 7(3), 247–264.
- Gill, D. L. (2000). *Psychological dynamics of sport and exercise*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Hanafiah, N., Man, D. D., Abu Talip, N. K., & Kram, S. (2020). Goal orientation among KARISMA 2018 athletes. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 9(2), 20–30.
- Huang, D. B., Cherek, D. R., & Lane, S. D. (1999). Laboratory measurement of aggression in high school age athletes: Provocation in a nonsporting context. *Psychological Reports*, 85(3_suppl), 1251–1262.
- Institut Sukan Negara Malaysia. (2015). *Manual Psikologi Sukan*. Putrajaya: ISN Press.
- Kavussanu, M., & Boardley, I. D. (2020). Moral disengagement and aggression in sport: A meta-analytic review. *Sport, Exercise, and Performance Psychology*, 9(1), 1–20.
- Mahoney, J. W., Gucciardi, D. F., Ntoumanis, N., & Mallett, C. J. (2014). Mental toughness in sport: Motivational antecedents and associations with performance and psychological health. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 36(3), 281–292.
- Manuel Sofia, R., & Cruz, J. F. A. (2015). Self-control as a mechanism for controlling aggression: A study in the context of sport competition. *Personality and Individual Differences*, 87, 302–306.
- Maxwell, J. P., Visek, A. J., & Moores, E. (2021). Anger and aggression in contact sports: The role of personality and goal orientation. *Journal of Sports Behavior*, 44(1), 45–61.
- Nicholls, J. G. (1984). Achievement motivation: Conceptions of ability, subjective experience, task choice, and performance. *Psychological Review*, 91(3), 328–346.
- Nicholls, J. G., Duda, J. L., & Cumming, S. P. (2020). Achievement goals and aggression in sport: A longitudinal investigation. *Journal of Applied Sport Psychology*, 32(1), 22–35.
- Nurasiken, H., Daniyal, D. M., Nur Khairunisa, A. T., & Suhardi, K. (2020). Gender and sport type differences in goal orientation among university athletes. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 9(2), 15–25.
- Pelegrin, A., Serpa, S., & Rosado, A. (2013). Age and aggression: Differences between junior and senior athletes. *International Journal of Sport and Health Science*, 11(1), 34–41.
- Siti Aishah Md Yusop, Shaharudin, S., & Nelfianty, N. (2018). Perkaitan antara corak orientasi matlamat dan tahap keagresifan pemain bola baling bawah 18. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 7(2), 32–41.
- Tractlet, A., Moret, O., Ohl, F., & Clémence, A. (2015). Aggressiveness among team players: Evidence from hockey and football. *European Journal of Sport Science*, 15(6), 563–571.

- Vissek, A. J., Watson, J. C., Hurst, J. R., Maxwell, J. P., & Harris, B. S. (2010). Towards understanding youth athletes' aggression: The role of perceived motivational climate and goal orientations. *Aggressive Behavior*, 36(2), 109–120.
- Weinberg, R. S., & Gould, D. (2003). *Foundations of sport and exercise psychology* (3rd ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Zali, M. R. (2006). *Perkaitan orientasi matlamat terhadap keagresifan ketara pemain bola sepak bawah 15 dan bawah 18 MSSM*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.